

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SEU 315 - Ekonomi Pembangunan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan : Jawab mana-mana EMPAT soalan daripada soalan-soalan berikut. Setiap soalan diberi markah yang sama.

1. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan pembangunan ekonomi? Bezakan di antara pembangunan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi.

[b] Pada pendapat anda, adakah Malaysia telah mengalami pertumbuhan ekonomi atau pembangunan ekonomi dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu.

(25 Markah)

2. [a] Secara ringkas bincangkan sejauh mana relevannya analisis Todaro berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi moden dalam konteks negara-negara Dunia Ketiga.

[b] Setujukah anda dengan pendapat beliau?

(25 Markah)

3. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan kemiskinan? Berasaskan kepada analisis "World Development Report 1990", bincangkan masalah kemiskinan di negara-negara Dunia Ketiga.

[b] Bincangkan ciri-ciri kemiskinan di dalam konteks Malaysia.

(25 Markah)

4. [a] Bincangkan idea-idea utama yang dikemukakan oleh model klasik mengenai pertumbuhan ekonomi.
- [b] Idea yang manakah paling penting untuk negara-negara yang sedang maju.
- (25 Markah)
5. [a] Jelaskan perkara-perkara utama yang diutarakan dalam model pergantungan ("dependency model").
- [b] Apakah kelemahan-kelemahan model tersebut?
- (25 Markah)
6. [a] Apakah unsur-unsur penting rangkakerja Todaro tentang migrasi dari luar bandar ke bandar.
- [b] Bincangkan kesesuaian rangkakerja ini dalam konteks Malaysia.
- (25 Markah)
7. [a] Bincangkan masalah-masalah utama yang biasa dikaitkan dengan pemindahan teknologi ke negara-negara yang kurang maju.
- [b] Cadangkan cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.
- (25 Markah)
8. Tulis nota-nota ringkas mengenai mana-mana 3 perkara yang berikut:
- [a] Hipotesis "U" terbalik oleh Kuznets
- [b] Indeks PQLI ("Physical Quality of Life Index")
- [c] Pengangguran tak ketara
- [d] Model Kaldor-Mirrlees
- [e] Buruh bernilai sifar
- (25 Markah)